

Lorong Smart dibuka semula

KUALA LUMPUR: Selepas tutup selama dua hari, Lebuhraya Smart dibuka semula kepada lalu lintas bagi laluan atas arah Selatan keluar dari Kuala Lumpur.

Lebuh raya berkenaan beroperasi semula pada jam 3.30 petang, semalam.

Syarikat Mengurus Air

Banjir dan Terowong Sdn Bhd dalam kenyataannya berkata, status operasi Terowong Smart boleh diikuti menerusi laman web di www.smarttunnel.com.my.

Orang ramai juga boleh mengikuti di laman [twitter@smarttunnel](https://twitter.com/smarttunnel) atau talian 1-300-88-7188.